

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6 NOVEMBER 2016

Kerjasama perniagaan tingkat ekonomi negara

BH - 6/11/2016

→ Malaysia mahu pertingkatkan kerjasama lebih akrab dengan China

**Shariffudin
Mohamed**



Beijing

Lawatan rasmi lima hari Datuk Seri Najib Razak ke China dengan menemui tokoh industri dan pemimpin kuasa besar dunia itu, mengangkat hubungan kedua-dua negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

Perdana Menteri menemui lebih 30 tokoh industri dalam mesyuarat meja bulat pada hari pertama sebelum memberi ucapan pada majlis makan tengah hari pada Forum Bisnes Malaysia-China.

Beliau turut menghadiri dua mesyuarat delegasi dengan Perdana

Menteri China, Li Keqiang dan Presiden China, Xi Jinping. Layanan dan kemesraan yang ditunjukkan Kerajaan China dan pemimpin tertingginya terhadap Perdana Menteri sangat luar biasa.

Kedatangan ramai delegasi Malaysia, termasuk menteri Kabinet, pegawai kanan kerajaan dan tokoh industri mencerminkan Malaysia mahu mempertingkatkan kerjasama yang lebih akrab seperti dipersetujui Xi Jinping dalam lawatannya ke Malaysia pada 2013.

China pula sebagai pelopor inisiatif *One Belt One Road* dan *Maritime Silk Route* ternyata menerima dengan tangan terbuka, lebih-lebih lagi bapa Najib, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein bertanggungjawab membuka laluan kepada hubungan dua hala dengan Negara Tembok Besar itu.

Ada tuduhan liar dilemparkan pihak tertentu kononnya Najib men-



Najib turut menaiki kereta api laju dari Tianjin ke Beijing dalam lawatan rasmi ke China.

jual Malaysia kepada China melalui kerjasama yang lebih rapat, namun ia sememangnya tidak munasabah.

Usah terlepas pandang China

Seperti kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapa Mohamed, tidak patut golongan perniagaan Malaysia terlepas pandang China dengan kekuatan ekonominya yang cemerlang.

Sambil menyifatkan dakwaan itu mengarut, beliau berkata, rugi jika Malaysia tidak merebut peluang di China yang mempunyai ramai tokoh perniagaan dalam senarai carta 500 Forbes, sekali gus kerjasama perniagaan boleh membawa kemakmuran kepada ekonomi negara.

Hubungan rakan kongsi secara strategik ini bukan sahaja untuk kepentingan golongan industri, malah rakyat keseluruhan.

Sebanyak 14 memorandum per-

Fakta
nombor

14 MoU

dan perjanjian
perniagaan
ditandatangani

RM143.64
BILION

nilai MoU dan perjanjian yang ditandatangani

sefahaman (MoU) dan perjanjian perniagaan bernilai RM143.64 bilion ditandatangani, antaranya projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) bernilai RM55 bilion yang menghubungkan Gombak-Dungun-Tumpat.

Ia boleh menjadi pemangkin transformasi negeri di Pantai Timur, merangsang sosioekonomi dan membawa banyak manfaat pada keseluruhannya.

Bagi pekebun kecil dan petani, pemimpin China bersetuju mempertimbangkan permohonan Malaysia menambah pembelian minyak sawit dan mempercepatkan protokol mengimport sarang burung mentah yang bakal memberi faedah kepada kira-kira 510,000 pekebun kecil dan petani di negara kita.

Selain itu, ada 16 perjanjian di antara kerajaan dengan kerajaan ditandatangani.